

SIARAN MEDIA

28 NOVEMBER 2025

ALAM FLORA SIAP SEDIA HADAPI BANJIR DI KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA DAN PAHANG

Kuala Lumpur, 28 November 2025 – Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora), anak syarikat Malakoff Corporation Berhad (Malakoff), telah bersiap sedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan berlakunya ribut dan banjir di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Pahang dengan meletakkan pasukan operasinya dalam keadaan bersiap siaga. Langkah ini diambil bagi memastikan tindakan pantas dapat dilakukan untuk mengatasi masalah sekatan pada sistem aliran di longkang dan parit yang boleh menyebabkan banjir akibat hujan lebat dan ribut sejak kebelakangan ini.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora, Shariman Yusuf Mohamed Zain, syarikat telah membuat persiapan awal dengan menugaskan kakitangan sedia ada bagi kerja-kerja pembersihan awam serta operasi di kawasan Kuala Lumpur yang dikenal pasti berisiko banjir. Di Putrajaya dan Pahang, tenaga kerja sedia ada turut digerakkan untuk memberi tumpuan kepada kawasan terdedah kepada banjir, bagi memastikan kelancaran operasi pembersihan dan pengurusan sisa sepanjang musim hujan.

“Di samping itu, Alam Flora juga menggunakan jentera seperti jentera *high-pressure jetter* iaitu mesin semburan air bertekanan tinggi yang berfungsi untuk membersihkan sekatan pasir, tanah atau sampah akibat banjir di dalam parit dan saluran air. Langkah ini dilaksanakan di kawasan kritikal di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Pahang bagi memastikan sistem saliran berfungsi dengan baik,” kata Shariman.

Dengan kerjasama Pusat Koordinasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPJ) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) di Pahang serta SWCorp, Alam Flora mengenal pasti beberapa kawasan yang sering dilanda banjir di Kuala Lumpur termasuk 15 kawasan tumpuan banjir iaitu di Jalan Rahmat, Jalan Sultan Azlan Shah, Lebuhraya Sultan Iskandar (Hadapan Bangunan Parlimen), Jalan Dato Onn, Jalan Parlimen & Sekitar, Jalan Tun Sambanthan Brickfields, Kampung Pasir, Kampung Persekutuan, Jalan Cochrane (berdekatan Mytown), Terowong Jalan Chan Sow Lin, Jalan Sultan, Jalan Puchong, Jalan Cheras (bersempadan PGRM), Jalan Pudu (berhadapan Tung Shin), Jalan Genting Klang (UTAR), Jalan Pintasan Segambut dan Jalan Genting Kelang (Shell).

Sebanyak 11 kawasan di Putrajaya telah dikenal pasti sebagai hotspot banjir, termasuk Jalan Yun Hussein (Presint 4), Jalan P8 berhampiran Medan Selera dan Padang Sintetik (Presint 8), Jalan antara terowong Presint 9-11, Jalan P10A (Presint 10), Jalan P11/J5 dan kawasan hadapan Sekolah Presint 11, Laman Duta – Jalan Presint 15, Simpang 4 Petronas (Presint 18), Lebuhraya Wadi Ehsan, Persiaran Timur berhampiran PPAM Jintan (Presint 16) serta Jalan hadapan PPAM Kasturi (Presint 17).

Manakala di Pahang pula, sebanyak 125 kawasan telah dikenal pasti sebagai kawasan tumpuan banjir, meliputi daerah-daerah utama seperti Temerloh (26 kawasan), Bera (16), Bentong (13), Raub (12), Kuala Lipis (12), Kuantan (11), Cameron Highlands (9), Jerantut (9), Rompin (6), Maran (6), Pekan (2), Muadzam (2) dan Tioman (1). Kawasan-kawasan berisiko tinggi ini memerlukan pemantauan rapi serta tindakan persediaan bagi menghadapi sebarang kemungkinan banjir.

Shariman mengingatkan orang ramai supaya membuang sisa dengan betul dan tidak ke dalam longkang bagi mengelakkan saluran tersumbat yang boleh meningkatkan risiko banjir. Alam Flora menasihatkan agar tong sampah diurus dengan selamat ketika banjir, termasuk meletakkannya di kawasan berpagar apabila air naik, memastikan sisa diikat kemas dan penutup ditutup, serta mengikat tong di tempat tinggi atau pada tiang/pokok

Persediaan ini merupakan sebahagian komitmen dan tanggungjawab ini adalah merupakan sebahagian daripada tonggak perniagaan Malakoff, aspirasi Penyelesaian Alam Sekitar Malakoff untuk memberi tumpuan kepada pengurusan alam sekitar dan penyelesaian yang didedikasikan untuk berkhidmat kepada masyarakat dan bumi ini. Ia juga selaras dengan Matlamat SDG PBB No. 11 di mana ia bertujuan untuk menjadikan bandar dan penempatan masyarakat yang inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan serta menyokong tujuan menyeluruh Malakoff iaitu *'Enhancing Life, Enriching Communities'*. Sempena sambutan ulang tahun ke-50 Kumpulan Malakoff pada tahun ini, inisiatif ini turut mencerminkan komitmen berterusan Kumpulan dalam memacu impak yang bermakna, bukan sahaja melalui kecemerlangan operasi, malah melalui usaha kelestarian jangka panjang dan pembangunan komuniti.

MENGENAI ALAM FLORA SDN BHD:

Ditubuhkan pada tahun 1995, Alam Flora Sdn. Bhd. (Alam Flora) merupakan salah satu syarikat pengurusan alam sekitar terkemuka di Malaysia yang komited membantu komuniti mengurus dan mengurangkan sisa dengan impak minimum terhadap alam sekitar. Sebagai anak syarikat kepada Malakoff Corporation Berhad (Malakoff), Alam Flora memainkan peranan penting dalam menyokong agenda kelestarian negara melalui penyelesaian pengurusan sisa dan alam sekitar.

Sebagai salah satu pemegang konsesi terbesar di bawah program penswastan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam negara, Alam Flora menyediakan perkhidmatan menyeluruh di kawasan konsesinya di Semenanjung Malaysia, iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, serta negeri Pahang. Syarikat ini menguruskan ribuan tan sisa setiap hari sambil aktif mempromosikan amalan kitar semula dan kelestarian melalui pelbagai inisiatif, termasuk Fasilitas Inovasi Kitar Semula (FIKS). Alam Flora merupakan pemacu utama kepada matlamat alam sekitar negara melalui kutipan dan pelupusan sisa yang cekap serta inisiatif libat urus komuniti yang mendorong pengurusan sisa secara bertanggungjawab dan amalan ekonomi kitaran.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Farizan Hj. Yop |Penolong Pengurus, Komunikasi Korporat dan Penjenamaan

|HP: 019.601.1678 | farizan.yop@malakoff.com.my

PRESS RELEASE

28 NOVEMBER 2025

ALAM FLORA READY TO FACE FLOODS IN KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA AND PAHANG

Kuala Lumpur, 28 November 2025 - Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora), a subsidiary of Malakoff Corporation Berhad (Malakoff), is fully prepared to face any potential storms and flooding in Kuala Lumpur, Putrajaya and Pahang by placing its operations team on standby. This proactive measure ensures swift action can be taken to address blockages in drainage systems and culverts that could lead to flooding caused by recent heavy rains and storms.

According to Alam Flora's Chief Executive Officer, Shariman Yusuf Mohamed Zain, the company has taken early measures by deploying existing personnel for public cleaning works and operations in Kuala Lumpur areas identified as flood prone. In Putrajaya and Pahang, the workforce has also been mobilised to focus on flood-exposed locations to ensure smooth cleaning operations and effective waste management throughout the rainy season.

"In addition, Alam Flora is using its high-pressure jetter machines, which use powerful water jets to clear sand, soil, or debris blockages caused by flooding in drains and waterways. These measures are being implemented in critical areas across Kuala Lumpur, Putrajaya and Pahang to ensure drainage systems function effectively," said Shariman.

Alam Flora is working closely with the Kuala Lumpur City Hall (DBKL) Coordination Centre, Putrajaya Corporation (PjC), local authorities (PBT) in Pahang and SWCorp, to strengthen flood preparedness. Several flood-prone locations have been identified, including 15 areas in Kuala Lumpur such as Jalan Rahmat, Jalan Sultan Azlan Shah, Lebuhraya Sultan Iskandar (Parliament Building), Jalan Dato Onn, Jalan Parlimen and surrounding areas, Jalan Tun Sambanthan in Brickfields, Kampung Pasir, Kampung Persekutuan, Jalan Cochrane near MyTown, the Jalan Chan Sow Lin tunnel, Jalan Sultan, Jalan Puchong, Jalan Cheras near PGRM, Jalan Pudu opposite Tung Shin Hospital, and Jalan Genting Klang near UTAR.

A total of 11 flood-prone areas have been identified in Putrajaya, including Jalan Yun Hussein (Precinct 4), Jalan P8 near Medan Selera and the synthetic field (Precinct 8), the road between tunnels in Precincts 9-11, Jalan P10A (Precinct 10), Jalan P11/J5 and the area in front of Presint 11 School, Laman Duta – Jalan Presint 15, Simpang 4 Petronas (Precinct 18), Lebu Wadi Ehsan, Persiaran Timur near PPAM Jintan (Precinct 16) and the road in front of PPAM Kasturi (Precinct 17).

Meanwhile, in Pahang, a total of 125 areas have been identified as flood hotspots, covering key districts such as Temerloh (26 areas), Bera (16), Bentong (13), Raub (12), Kuala Lipis (12), Kuantan (11), Cameron Highlands (9), Jerantut (9), Rompin (6), Maran (6), Pekan (2), Muadzam (2) and Tioman (1). These high-risk areas require close monitoring and proactive measures to prepare for any potential flooding.

Shariman urged the public to dispose of waste responsibly and follow regulations to help reduce flood risks. Throwing rubbish into drains can block water flow and cause flooding. Alam Flora advises taking precautions with bins during floods, such as placing them in fenced areas when water rises, securing waste in tied bags with lids closed, and fastening bins to higher ground or to poles/trees.

This preparation is part of Malakoff's commitment and responsibility, aligned with the company's business pillars and the aspirations of Malakoff Environmental Solutions to focus on environmental management and deliver solutions dedicated to serving society and the planet. It is also in line with the UN SDG Goal No. 11, which aims to make cities and human settlements inclusive, safe, resilient and sustainable - aligned with Malakoff's overarching purpose of 'Enhancing Life, Enriching Communities'. In conjunction with Malakoff Group's 50th anniversary this year, the initiative further reflects the Group's continued commitment to driving meaningful impact, not only through operational excellence but also through long-term sustainability and community-building efforts.

ABOUT ALAM FLORA SDN BHD:

Incorporated in 1995, Alam Flora Sdn. Bhd. (Alam Flora) is one of Malaysia's leading environmental management companies, dedicated to helping communities manage and reduce waste with minimal environmental impact. A subsidiary of Malakoff Corporation Berhad (Malakoff), Alam Flora plays a central role in supporting the nation's sustainability agenda through its waste management and environmental solutions.

As one of the largest concession holders under Malaysia's national solid waste management and public cleansing privatisation programme, Alam Flora provides comprehensive services across its concession areas in Peninsular Malaysia, namely the Federal Territories of Kuala Lumpur and Putrajaya, and the state of Pahang. The company manages thousands of tonnes of waste daily, while actively promoting recycling and sustainable practices through various initiatives, including the Fasiliti Inovasi Kitar Semula (FIKS). It is a key enabler of Malaysia's environmental goals through efficient collection, disposal and community engagement initiatives that drive responsible waste management and circular economy practices.



For more information, please contact:

Farizan Hj. Yop |Assistant Manager, Corporate Communications & Branding

|HP: 019.601.1678 | farizan.yop@malakoff.com.my